



**MAJLIS PENGETUA-PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN PULAU PINANG**

MODUL LATIHAN BERFOKUS SPM 2014

BAHASA MELAYU

Kertas 1

September

2 1/4 Jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

1103/1 Modul latihan berfokus ini mengandungi (3) halaman bercetak


[Lihat halaman sebelah

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **faedah-faedah kitar semula**. Panjang huraian anda hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**



Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 Jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang **panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Penglibatan murid –murid dalam bidang kokurikulum mendatangkan pelbagai faedah. Huraikan faedah-faedah yang diperoleh daripada aktiviti kokurikulum tersebut.
2. Permainan tradisional seperti congkak, batu seremban dan lain-lain semakin dilupakan oleh masyarakat pada masa sekarang. Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku.
3. Anda telah dipilih untuk menyertai syarahan peringkat daerah. Tajuk syarahan tersebut ialah “Semangat Kejiranan Teras Keharmonian Masyarakat”
Tulis teks syarahan tentang aktiviti-aktiviti yang boleh mengeratkan semangat kejiranan.
4. Industri pelancongan merupakan antara penyumbang utama pendapatan sesebuah negara di dunia.
Bincangkan langkah-langkah yang telah diambil oleh negara-negara di dunia dalam usaha memajukan sektor pelancongan.
5. Anak merak mati tersangkut,
Mati dipanah Seri Rama,
Resam di dunia juga disebut,
Orang yang mati meninggalkan nama.

Pantun di atas menjelaskan pentingnya menghargai jasa seseorang walaupun seseorang itu telah tiada di dunia ini. Huraikan cara-cara untuk menghargai jasa seseorang.

KERTAS SOALAN TAMAT